

16 NOV 2001

Dewan-Pahang (Afghanistan)

DUN PAHANG SOKONG PENDIRIAN K'JAAN MENENTANG KEGANASAN

KUANTAN, 16 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri hari ini mengambil ketetapan menyokong pendirian kerajaan persekutuan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentang sebarang bentuk keganasan di mana sahaja.

Seluruh anggota Dewan juga menentang tindakan menangani keganasan dengan menggunakan serangan bersenjata kerana tindakan sedemikian mengakibatkan rakyat tidak bersalah menjadi mangsa.

Usul itu, yang dibawa Mohamed Soffi Tan Sri Razak (BN-Benta) sebelum persidangan dewan ditangguhkan, turut meminta Dewan Undangan Negeri mendesak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) campurtangan bagi memulihkan keadaan di Afghanistan.

Negara itu kini diserang tentera pimpinan Amerika Syarikat kerana melindungi Osama bin Laden yang dituduh bertanggungjawab bersama pertubuhan Al-Qaedanya atas serangan terhadap Amerika pada 11 Sept.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob semasa diminta Speaker mengulas usul itu, berkata pendekatan bijaksana harus diambil dalam menangani isu itu agar hubungan baik dengan negara-negara yang terlibat dapat terus dijalin.

Adnan berkata kerajaan Pahang melalui mesyuarat mingguan exconya pada 31 Okt meluluskan sumbangan RM50,000 untuk Tabung Amanah Afghanistan yang menggambarkan sikap mengambil beratnya terhadap nasib yang dialami rakyat negara berkenaan.

Dewan turut meluluskan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (2001) 2001, Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Pindaan) 2001, Enakmen Pinjaman (Rancangan Rumah Awam Kos Rendah) (Pindaan) 2001 dan Rang Undang-undang Mineral 2001.

Persidangan dewan ditangguhkan hingga ke suatu tarikh yang akan ditentukan.

-- BERNAMA

ROS RON